



[Experts](#)

Meneroka masa depan FinTech dengan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kewangan di UMP SA

23 January 2025

Landskap teknologi kewangan (*FinTech*) sedang berkembang pada kadar yang luar biasa, didorong oleh kemajuan revolusioner dalam kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), *blockchain*, big data, dan kewangan digital. Secara global, pasaran *FinTech* diunjurkan mencapai nilai USD698.48 bilion menjelang tahun 2030, dengan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 20.3 peratus dari 2023 hingga 2030. Pertumbuhan pesat ini menekankan kesan transformasi

FinTech dalam pelbagai sektor, termasuk perbankan, insurans, pelaburan, dan e-dagang.

FinTech sedang merevolusikan perkhidmatan kewangan tradisional dengan mempercepatkan transaksi, meningkatkan kebolehcapaian (*accessibility*) melalui perbankan digital dan menawarkan penyelesaian inovatif seperti kewangan terdesentralisasi (*decentralized finance*) (*DeFi*) dan penasihat robo (*robo-advisors*). Di Malaysia, *Future Skills Framework Blueprint* menekankan kepentingan melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran digital dan pelbagai disiplin yang canggih untuk memenuhi keperluan ekonomi yang semakin dipacu oleh teknologi. *FinTech* sebagai komponen kritikal dalam peralihan ini, memerlukan kepakaran yang merangkumi kemahiran kewangan, kecekapan teknologi dan penyelesaian masalah yang inovatif.

Program yang berwawasan ini selaras dengan objektif *Future Skills Framework Blueprint* dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran kritikal seperti analitik data, keselamatan siber, pembangunan blockchain dan inovasi kewangan digital. Ia juga memupuk daya tahan dan pemikiran kreatif – kecekapan utama yang disorotkan dalam kerangka untuk membangun tenaga kerja yang tangkas menghadapi transformasi digital yang pesat.

Perkembangan ini didorong oleh peningkatan penggunaan digital, inisiatif kerajaan yang menyokong dan persekitaran pengawalseliaan yang progresif. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan dasar untuk menggalakkan inovasi *FinTech* seperti penubuhan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan pengenalan *sandboxes* oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memudahkan ujian teknologi kewangan baharu. Selain itu, segmen pembayaran digital adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan ini, dengan unjuran menunjukkan jumlah pasaran sebanyak USD 42.02 bilion menjelang 2028, berkembang pada CAGR sebanyak 10.92 peratus dari 2024 hingga 2028. Trend ini mencerminkan keutamaan pengguna yang semakin meningkat terhadap kaedah pembayaran digital dan pengembangan e-dagang di rantau ini.

Tambahan pula, landskap *FinTech* Malaysia adalah pelbagai iaitu merangkumi pelbagai sektor seperti pembayaran, pinjaman, dompet elektronik (*e-wallet*) penghantaran wang (*remittances*), *insurtech* dan *wealthtech*. Malaysia juga merupakan pemain penting dalam pasaran *FinTech* Islam (*Islamic FinTech*), memegang 12 peratus aset patuh syariah global dan menduduki tempat ketiga di dunia.

Perkembangan ini menegaskan kepentingan melengkapkan profesional dengan kepakaran pelbagai disiplin dalam kewangan dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang. Menyedari keperluan ini, Fakulti Pengurusan Industri (FPI) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) akan menawarkan program akademik baharu iaitu program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kewangan dengan Kepujian (*Bachelor of FinTech* - MQA/PA17519) dan bersedia untuk melahirkan graduan yang berjaya dan dapat mengisi kekosongan dalam sektor *FinTech* Malaysia yang dinamik.

Penawaran program Ijazah Sarjana Muda *FinTech* UMPSA ini adalah selaras dengan visi Malaysia untuk menjadi hab *FinTech* global. Dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran analitis dan memupuk inovasi, program ini secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kemajuan teknologi. Kurikulum ini juga menekankan kedudukan unik Malaysia dalam pasaran kewangan Islam, yang membuka peluang untuk mengintegrasikan penyelesaian kewangan patuh syariah dengan teknologi moden. Kohort pertama bagi program ini ialah pada sesi akademik Oktober 2025. Program ini adalah langkah penting dalam menyediakan pemimpin masa depan untuk navigasi dan membentuk kerumitan teknologi kewangan sambil menyumbang kepada matlamat Malaysia menjadi hab *FinTech* global.

Bagi memastikan pengalaman pembelajaran yang inovatif dan selaras dengan keperluan industri, program ini akan ditawarkan dalam dua mod yang berbeza iaitu mod kerja kursus dan mod industri (3u1i). Mod 3u1i mengintegrasikan tiga tahun pembelajaran di universiti dengan satu tahun penempatan di industri bagi memastikan pelajar memperoleh pengalaman dunia sebenar yang bernilai. Kedua-dua laluan direka untuk memberikan pelajar asas teori yang kukuh serta kemahiran praktikal yang diperlukan untuk cemerlang dalam *domain FinTech*. Kurikulum program ini dirancang dengan teliti untuk mencerminkan trend industri terkini dan kemajuan teknologi, menawarkan kursus seperti:

- *Financial Technology Innovation*: Meneroka teknologi terkini yang mentakrifkan semula perkhidmatan kewangan.
- *Cybercrime and Investigation*: Menyiapkan graduan untuk menghadapi cabaran keselamatan siber dan pencegahan penipuan.
- *Blockchain Technology and Digital Currencies*: Meneroka asas-asas blockchain dan peranannya dalam ekonomi digital.
- *Data Mining*: Menggunakan analitik data untuk mendorong pembuatan keputusan kewangan yang strategik.
- *Technical Analysis and Trading Strategies*: Membangunkan kemahiran untuk menganalisis dan navigasi pasaran kewangan.

Modul-modul ini memperkasakan pelajar untuk menjadi profesional yang adaptif dan berfikiran jauh ke hadapan serta mampu menangani keperluan sektor kewangan yang sentiasa berubah.

Sepertimana yang semua maklum, industri *FinTech* telah merevolusikan perkhidmatan kewangan tradisional dengan memperkenalkan inovasi seperti pembayaran digital, penasihat robo dan kewangan terdesentralisasi (DeFi). Peralihan ini telah mencipta keperluan mendesak untuk bakat yang memahami hubungan antara kewangan, teknologi dan pengawalseliaan. Graduan program Ijazah Sarjana Muda *FinTech* bukan sahaja akan memenuhi keperluan ini tetapi juga akan memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan perkhidmatan kewangan. Program ini menyediakan pelajar untuk peluang kerjaya yang pelbagai dalam:

- Perbankan Digital dan Perkhidmatan Kewangan: Mendorong inovasi dalam sistem pembayaran dan reka bentuk produk kewangan.
- Pelaburan dan Pasaran Modal: Meningkatkan strategi untuk pengurusan aset dan perdagangan.
- Keselamatan Siber dan Penyelesaian ICT: Mengukuhkan sistem kewangan terhadap ancaman digital yang muncul.
- *Startup FinTech*: Memupuk usaha keusahawanan dalam ekosistem *FinTech* yang berkembang pesat.

Sebagai salah satu pelopor dalam pendidikan *FinTech*, UMPSA menyediakan platform untuk melahirkan graduan yang kompeten dan bersedia menghadapi cabaran sektor kewangan masa depan. Dengan kurikulum yang menyeluruh dan selaras dengan keperluan industri, program ini bukan sahaja mempersiapkan pelajar untuk kerjaya yang menjanjikan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan teknologi negara. Melalui pendekatan inovatif, UMPSA memainkan peranan penting dalam membentuk generasi profesional *FinTech* yang mampu membawa perubahan positif di peringkat global.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, fim.umpsa.edu.my.



Profesor Madya Dr. Irene Ting Wei Kiong

Pengarah (Bahagian Penarafan dan Kelestarian), Pusat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK) dan Pensyarah Fakulti Pengurusan Industri (FPI) UMPSA

E-mel: irene@umpsa.edu.my



Dr. Norwazli Abdul Wahab

Ketua Program (Fintech,) Fakulti Pengurusan Industri (FPI) UMPSA

E-mel: norwazli@umpsa.edu.my

-
- 655 views

[View PDF](#)